



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KONVOI BERBASIKAL 1WILAYAH PERSEKUTUAN AKRABKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

**KUALA LUMPUR, 24 Februari** – Dataran Merdeka sekali lagi dibanjiri oleh kira-kira 3,000 peminat aktiviti menunggang basikal untuk menyertai Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan yang diadakan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan membuat pelepasan konvoi tersebut yang mengayuh basikal sejauh 30 km hari ini bermula di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Raja Laut dan melalui beberapa laluan utama ibu negara.

Program ini menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan melalui aktiviti sukan berbasikal. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan silaturrahim serta mewujudkan suasana yang harmoni dan bersatu dalam kalangan warga kota.

Program ini adalah anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Belia Dan Sukan Wilayah Persekutuan. Pemilihan WP Kuala Lumpur dalam penganjuran konvoi ini adalah merupakan sebahagian pakej pelancongan ibu negara dalam memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai bandaraya pesat membangun yang turut mempromosikan budaya hidup sihat.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahbaik serta memantapkan kemudahan untuk penunggang basikal dengan menyediakan laluan basikal khususnya di Kuala Lumpur memandangkan aktiviti berbasikal ini mula menjadi alternatif kenderaan ke pejabat atau ke mana-mana sahaja oleh rakyat Malaysia. Dengan menggalakkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan alternatif dapat mengurangkan jumlah kenderaan di dalam bandar sekaligus membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas. Malah jika usaha ini berjaya maka kadar pencemaran udara di Kuala Lumpur juga boleh dikurangkan.

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**